



GARIS PANDUAN PENULISAN DAN PENERBITAN TEKS HADITH



GARIS PANDUAN PENULISAN DAN PENERBITAN TEKS HADITH

Cetakan 2018

Lajnah Tahqiq Hadith

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran,

Aras 5 & 6, Blok D1, Kompleks D,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62546 Putrajaya.

Tel: 03 8000 8000 | Fax : 03-88891613 / 03-88891610

Emel: webmaster@moha.gov.my

Dicetak oleh:

ARIF CORPORATION SDN. BHD.

42, Jalan Pengasah 15/13,

Seksyen 15,

40200 Shah Alam, Selangor.

KANDUNGAN

Pengenalan	v
Tujuan	1
Takrifan	1
Kaedah Penukilan Hadith Daripada Sumber Rujukan Asal	4
Kaedah Penukilan Hadith Da'if dan Palsu (<i>MAWDŪ'</i>) dalam Penerbitan	6
Kaedah Menulis Hadith dan Rujukan Hadith dalam Penerbitan	7
Kaedah Penulisan Transliterasi	16
Peraturan Umum	16
Lampiran	17



مَنْ تَعَمَّدَ عَلَيَّ كَذِبًا فَلْيَنْبِرْ مُقْعَدَةً مِنَ النَّارِ

[البخاري، العلم، إثم من كذب على النبي ﷺ، حديث 108، عن أنس رضي الله عنه]

“Sesiapa yang sengaja berdusta kepadaku, maka hendaklah dia mengambil tempat duduknya di dalam neraka.”

PENGENALAN

Al Quran dan al Sunnah merupakan rujukan utama dalam Islam. Hal ini telah disepakati oleh ulama dan mesti diterima sebagai pegangan hidup mukmin. Keislaman dan keimanan seseorang tidak akan sempurna jika hanya menerima al Quran semata-mata dan menolak hadith Rasulullah SAW. Apatah lagi sebaliknya jika menerima hadith dan menolak al Quran. Sudah pasti umat Islam tidak akan memahami ajaran Islam sepenuhnya tanpa merujuk kepada huraian dan penjelasan daripada hadith Rasulullah SAW sebagai sumber rujukan kedua selepas al Quran.

Walau bagaimanapun kemunculan hadith-hadith palsu (*mawḍūʿ*) dalam masyarakat Islam atas pelbagai sebab termasuk akibat pertelingkahan politik dan perbezaan pandangan antara kelompok telah memberi kesan buruk kepada masyarakat. Terbukti hadith palsu (*mawḍūʿ*) yang disebarkan di dalam masyarakat telah menyebabkan perbalahan dan perpecahan di kalangan umat Islam semakin parah. Kemunculan golongan ekstremis sejak akhir-akhir ini juga dikaitkan puncanya daripada pegangan terhadap hadith palsu (*mawḍūʿ*) atau pentafsiran hadith secara salah yang tidak berpandukan kepada tafsiran oleh ulama muktabar.

Fenomena ini akan menjadi terus parah pada masa akan datang sekiranya tiada usaha-usaha ke arah membendung penyebaran hadith palsu (*mawḍūʿ*) dan kawalan terhadap salah tafsir terhadap mana-mana hadith yang dirujuk. Malah keadaan ini menjadi bertambah mencabar dalam era teknologi maklumat yang pantas bergerak di mana hadith palsu (*mawḍūʿ*) dan lemah lebih mudah tular ke dalam masyarakat Islam.

Sehubungan dengan itu, atas kesedaran betapa bahayanya fenomena ini, satu inisiatif yang diinspirasikan oleh YAB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, kerajaan telah bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Hadith atau lebih dikenali dengan Lajnah Tahqiq Hadith yang dianggotai oleh pakar-pakar dalam bidang tersebut. Penubuhan Lajnah ini dengan matlamat untuk menyediakan pandu arah bagi mengekang penyebaran hadith-hadith palsu (*mawḍū'*) dalam masyarakat, khususnya dalam penerbitan kerana dibimbangi boleh membawa kepada penyelewengan akidah, menjejaskan keharmonian dan ketenteraman awam serta perpaduan negara.

Dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut, Lajnah ini telah mengambil inisiatif membangunkan Garis Panduan Penulisan dan Penerbitan Teks Hadith sebagai panduan kepada penulis dan penerbit buku-buku agama. Garis panduan ini mengandungi kaedah dan tatacara membuat rujukan, menyemak, menilai, memetik serta menulis hadith serta sumbernya. Pembangunan Garis panduan ini telah melibatkan sumbangan kepakaran daripada tokoh-tokoh dan ahli-ahli akademik dalam bidang hadith dari seluruh negara. Justeru Garis panduan yang dibangunkan ini diharap akan dapat dimanfaatkan dan digunapakai oleh semua penulis dan penerbit dalam usaha kita menjaga kedudukan dan kemuliaan hadith.



GARIS PANDUAN PENULISAN DAN PENERBITAN TEKS HADITH



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

GARIS PANDUAN PENULISAN DAN PENERBITAN TEKS HADITH

1. TUJUAN

Tujuan dokumen ini disediakan adalah untuk menjadi panduan dalam penulisan dan penerbitan teks hadith. Garis Panduan ini merupakan peraturan yang ditetapkan bagi semua jenis penerbitan dan juga sebagai rujukan kepada pihak-pihak berikut:

- a. Para pengusaha, pengilang, pencetak, penerbit, penjual, pekerja, orang awam dan pihak-pihak yang terlibat dengan kegiatan penulisan dan penerbitan bahan-bahan yang mengandungi teks hadith; dan
- b. Agensi-agensi kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertanggungjawab melulus dan mengawal aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perkara di atas.

2. TAKRIFAN

Dalam garis panduan ini, terdapat beberapa istilah yang perlu difahami, antaranya:

Pencetakan : Kerja-kerja (proses, urusan) mencetak. Ia juga boleh ditakrifkan sebagai ungkapan yang merujuk kepada pencetakan meliputi tulisan, litografi, tulisan taip, fotografi dan cara lain untuk menggambarkan atau menyalin perkataan atau benda dalam bentuk nyata.

Penjualan : Perbuatan (kerja) menjual. Ia termasuklah proses jual beli yang juga meliputi aktiviti

GARIS PANDUAN PENULISAN DAN PENERBITAN TEKS HADITH

aktiviti import-eksport, memperaga, mempamer, meletak, mengendali, memegang, membungkus, mengiklan, bahan-bahan yang mengandungi teks hadith.

Pengedaran

: Perbuatan atau hal mengedarkan. Sistem pengedaran meliputi cara-cara seperti edaran runcit, jualan terus, jualan pameran atau jualan fizikal terus kepada pengguna. Ia juga bermaksud membahagi-bahagikan atau menghantar.

Hadith

: Segala sesuatu yang disandarkan kepada Nabi SAW sama ada yang berupa kata-kata atau perbuatan atau pengakuan atau sifat. Ia mengandungi dua komponen utama iaitu: Sanad (rantai perawi) dan matan (teks).

Dokumen

: Apa-apa hal yang dinyatakan, diperihalkan, atau bagaimana jua pun digambarkan, atas apa-apa benda, bahan atau artikel, termasuklah apa-apa hal yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau apa jua pun peranti lain dengan menggunakan:

- a. Huruf, angka, tanda, simbol, isyarat, lambang, atau apa jua pun bentuk pernyataan, perihalan, atau gambaran lain;

GARIS PANDUAN PENULISAN DAN PENERBITAN TEKS HADITH

- b. Hadith yang diriwayatkan oleh *Aṣḥāb al-Sunan* selain al-Bukhārī dan Muslim.

3.2.2 Jika sesuatu hadith terdapat dalam *Ṣaḥīḥ* al-Bukhārī dan/atau Muslim, sumber rujukan yang lebih rendah tidak boleh dijadikan rujukan utama dengan meninggalkan kedua-duanya, kecuali jika terdapat tambahan lafaz pada matan hadith dalam rujukan yang lebih rendah tersebut.

3.2.3 Turutan keutamaan berdasarkan tarikh kewafatan pengarang adalah dibenarkan sekiranya terdapat kewajaran.

3.2.4 Hadith-hadith yang tidak terdapat dalam rujukan-rujukan yang dinyatakan dalam para 3.2 di atas boleh dirujuk kepada Sumber Rujukan Asal yang lain, berdasarkan turutan keutamaan yang sesuai.

3.3 Semua nukilan hadith daripada kitab-kitab *al-Maṣādir Shibh al-Aṣliyyah* (Sumber Rujukan Menyerupai Asal) dan *al-Maṣādir Ghayr al-Aṣliyyah* (Sumber Rujukan Tidak Asal) hendaklah dinyatakan maklumat rujukannya dengan jelas.

3.4 Semua hadith hendaklah dirujuk kepada kitab rujukan yang bercetak dengan keutamaan kepada terbitan/edisi terkini. Rujukan kepada perisian/*software* hadith atau laman sesawang adalah tidak memadai.

GARIS PANDUAN PENULISAN DAN PENERBITAN TEKS HADITH

al-‘Aẓīm oleh Ibn Kathīr; sanad yang lengkap dalam kitab ini dinukilkan daripada Sumber Rujukan Asal.

Al-Maṣādir Ghayr al-Aṣliyyah/ Rujukan Tidak Asal : Kitab-kitab yang mengandungi hadith yang dinukilkan daripada Sumber Rujukan Asal dan dibuang sanadnya dengan sengaja (kecuali *rāwi al-a’lā*) untuk tujuan ringkasan, seperti *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* dan *al-Jāmi’ al-Ṣaghīr*.

3. KAEDAH PENUKILAN HADITH DARIPADA SUMBER RUJUKAN ASAL

- 3.1 Semua penulisan hadith hendaklah dirujuk kepada kitab-kitab yang dikategorikan sebagai *al-Maṣādir al-Aṣliyyah* (Sumber Rujukan Asal) hadith sahaja.
- 3.2 Kitab Sumber Rujukan Asal yang diutamakan adalah *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abī Dāwud*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasā’ī*, *Sunan Ibn Mājah*, *Muwatta’ Mālik*, *Sunan al-Dārimi* dan *Musnad Aḥmad*, mengikut turutan tersebut.
 - 3.2.1 Rujukan hadith hendaklah mengikut turutan keutamaan sumber rujukan (daripada segi kualiti dan keabsahan), seperti berikut:
 - a. Hadith yang diriwayatkan dan disepakati oleh; atau menepati syarat al-Bukhārī dan Muslim, atau salah seorang daripada mereka.

GARIS PANDUAN PENULISAN DAN PENERBITAN TEKS HADITH

- b. Apa-apa pun bentuk rakaman tampak (sama ada imej kaku atau bergerak);
- c. Apa-apa pun bentuk rakaman bunyi, atau apa-apa pun rakaman elektronik, magnetik, mekanikal atau rakaman lain dan walau bagaimana jua pun dibuat, atau apa-apa bunyi, dedenyut elektronik atau apa jua pun data lain;
- d. Suatu rakaman, atau pemancaran dari suatu jarak, apa-apa perkara dengan mana-mana, atau apa-apa gabungan, cara yang disebut dalam perenggan (a), (b) dan (c).

Premis-premis : Bangunan dan kawasan tempat diuruskan perniagaan dan sebagainya. Ia termasuklah mana-mana tempat, kedai, supermarket, gerai ekspo, pasar malam termasuklah kilang, bengkel, setor penyimpanan, kereta, kapal, kapal terbang, dan seumpamanya.

Al-Maṣādir al-Aṣliyyah/
Sumber Rujukan Asal : Kitab-kitab yang mengandungi hadith-hadith yang diriwayatkan oleh pengarangnya dengan sanadnya sendiri seperti *al-Kutub al-Sittah*.

Al-Maṣādir Shibh al-Aṣliyyah/
Sumber Rujukan Menyerupai Asal : Kitab-kitab yang mengandungi hadith-hadith yang diriwayatkan oleh pengarang dengan sanad lengkap yang dinukilkan daripada pengarang Sumber Rujukan Asal. Contohnya, kitab *Tafsir al-Qur'ān*

GARIS PANDUAN PENULISAN DAN PENERBITAN TEKS HADITH

4. KAEDAH PENUKILAN HADITH DA'IF DAN PALSU (MAWDŪ') DALAM PENERBITAN

- 4.1 Hadith-hadith da'if tidak boleh digunakan sebagai dalil/hujah dalam perkara *uṣūl*, terutama akidah.
- 4.2 Hadith da'if boleh digunakan dalam bab *Faḍā'il / Targhīb wa Tarhīb / Mau'izah / Qaṣaṣ*, dengan tiga syarat, iaitu:
 - 4.2.1 Tidak terlampau da'if (*da'if shadīd*).
 - 4.2.2 Terdapat asasnya dalam dalil yang sahih.
 - 4.2.3 Tidak menyebabkan wujudnya keyakinan bahawa ia benar-benar hadith daripada Rasulullah SAW.
- 4.3 Hadith-hadith terlampau da'if, hadith-hadith palsu (*mawḍū'*), hadith-hadith yang tidak mempunyai asalnya (*lā aṣl lah*) dan hadith-hadith yang tidak mempunyai sumber ambilan yang sah tidak boleh dijadikan hujah dalam semua bentuk penulisan hadith.
- 4.4 Hukum da'if dan palsu (*mawḍū'*) bagi sesuatu hadith hendaklah didasarkan kepada pandangan ulama hadith yang muktabar.
- 4.5 Penukilan hadith terlampau da'if dan palsu (*mawḍū'*) adalah dibenarkan sekiranya bertujuan untuk menyatakan keda'ifan / kepalsuannya atau untuk tujuan perbandingan.

5. KAEDAH MENULIS HADITH DAN RUJUKAN HADITH DALAM PENERBITAN

5.1 Panduan Penulisan Matan Hadith

- 5.1.1 Semua penerbitan yang mengandungi hadith hendaklah disertai dengan matan asal hadith dalam bahasa Arab, dan tidak dibenarkan nukilan makna/terjemahan hadith semata-mata, kecuali dalam akhbar dan majalah.
- 5.1.2 Matan hadith yang dimasukkan dalam teks penerbitan hendaklah:
- a. Dibariskan dengan sempurna.

Sebagai contoh, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَعَمَّدَ عَلَيَّ كَذِبًا فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ
تخريج: [البخاري، العلم، إثم من كذب على النبي صلى الله
عليه وسلم، حديث 108، عن أنس رضي الله عنه]

Terjemahan: “Sesiapa yang sengaja berdusta terhadapku, maka hendaklah dia mengambil tempat duduknya di dalam neraka.”

- b. Sempurna pada makna, hujah atau dalil. Matan hadith yang panjang boleh dipotong tanpa mencatitkan konteks hadith tersebut.

GARIS PANDUAN PENULISAN DAN PENERBITAN TEKS HADITH

- c. Dipastikan sama seperti yang tertulis dalam sumber rujukan daripada segi susunan perkataan, penggunaan perkataan dan ejaan yang betul.

Sebagai contoh, Rasulullah SAW bersabda:

فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى
أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ

تخريج: [البخاري، الإيمان، حب الرسول من الإيمان، حديث 14،
عن أبي هريرة رضي الله عنه]

Terjemahan: “Demi yang diriku dalam kekuasaan-Nya, seseorang itu tidak beriman sehingga aku lebih dikasihi olehnya daripada bapa dan anaknya.”

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ
وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

تخريج: [البخاري، الإيمان، حب الرسول من الإيمان، حديث 15،
عن أنس رضي الله عنه]

Terjemahan: “Seseorang itu tidak beriman sehingga aku lebih dikasihi olehnya daripada bapanya, anaknya dan manusia keseluruhannya.”

GARIS PANDUAN PENULISAN DAN PENERBITAN TEKS HADITH

- 5.1.3 Sebaik-baiknya, hadith hendaklah dinukil daripada *bāb* yang berkaitan dengan hujah atau isu yang dibincangkan, terutamanya ketika merujuk kepada sesuatu hadith yang berulang dalam sesebuah sumber rujukan.

5.2 Panduan Penulisan Terjemahan Hadith

Semua matan hadith yang terdapat dalam penerbitan berbahasa Melayu (atau selain Bahasa Arab) hendaklah diberikan makna/terjemahan. Terjemahan hadith hendaklah:

- 5.2.1 Berdasarkan teks asal hadith.
- 5.2.2 Mengekalkan kata nama khas.
- 5.2.3 Dengan gaya bahasa yang mudah difahami / tidak mengelirukan.
- 5.2.4 Menggunakan makna yang *rājiḥ* dan tepat.
- 5.2.5 Mengekalkan istilah/kalimah yang sukar diterjemahkan berdasarkan teks asal hadith.
- 5.2.6 Berpandukan kitab *sharah* hadith.

GARIS PANDUAN PENULISAN DAN PENERBITAN TEKS HADITH

Sebagai contoh, Rasulullah SAW bersabda:

آيَةُ الْإِيمَانِ حُبُّ الْأَنْصَارِ وَآيَةُ النِّفَاقِ بُغْضُ الْأَنْصَارِ
تخريج: [البخاري، الإيمان، علامة الإيمان حب الأنصار، حديث 17،
عن أنس رضي الله عنه]

Terjemahan: “Tanda keimanan adalah kecintaan kepada golongan Ansar dan tanda kemunafikan adalah benci kepada golongan Ansar.”

5.3 Panduan Penulisan Rujukan dan Status Hadith

Semua hadith yang dimasukkan dalam penulisan hendaklah dinyatakan rujukannya dengan memasukkan butiran-butiran berikut:

- 5.3.1 Bagi kitab rujukan hadith yang disusun berdasarkan topik (*kitāb* dan *bāb*), serta dilengkapi dengan nombor hadith, hendaklah dinyatakan nama sumber rujukan asal, *kitāb*, *bāb* dan nombor hadith tersebut.
- 5.3.2 Nama *kitāb* dan *bāb* hendaklah ditulis mengikut bahasa Arab dan tidak diterjemahkan, sama ada dikekalkan teks Arab atau ditulis menggunakan kaedah transliterasi.

GARIS PANDUAN PENULISAN DAN PENERBITAN TEKS HADITH

Contoh nama *kitāb* dan *bāb* yang dikekalkan teks Arab:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَاطِعٌ

تخريج: [البخاري، الأدب، إثم القاطع، حديث 5984، عن جبير بن مطعم رضي الله عنه]

Terjemahan: “Tidak masuk syurga orang yang memutuskan silaturrahim.”

Contoh menggunakan kaedah transliterasi:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَاطِعٌ

Takhrij: [al-Bukhārī, al-Adab, Ithm al-Qāṭi‘, hadith 5984, daripada Jubayr bin Muṭ‘im]

Terjemahan: “Tidak masuk syurga orang yang memutuskan silaturrahim.”

- 5.3.3 Bagi kitab rujukan hadith yang disusun berdasarkan perawi teratas (*musnad*), hendaklah dinyatakan nama rujukan asal, nombor hadith (jika ada) dan perawi teratas tersebut (*rāwī Ṣaḥābī*).

GARIS PANDUAN PENULISAN DAN PENERBITAN TEKS HADITH

Sebagai contoh, Rasulullah SAW telah bersabda ketika mengutuskan Mu'adh bin Jabal ke Yaman:

إِيَّايَ وَالتَّنَعُّمَ فَإِنَّ عِبَادَ اللَّهِ لَيُسُوُوا بِالْمُتَنَعِّمِينَ

تخريج: [أحمد، حديث 22105، عن معاذ بن جبل رضي الله عنه. شيعب الأرئووط: إسناده ضعيف لضعف بقية بن الوليد وهو مدلس تدليس التسوية، وقد عنعن. الألباني (سلسلة الأحاديث الصحيحة، 688/1): قد صرح بالتحديث عند أبي نعيم، فزالت شبهة التدليس، وثبت الحديث، والحمد لله]

Terjemahan: *“Berwaspadalah dengan kemewahan, kerana sesungguhnya hamba Allah itu bukanlah orang yang bersenang-senang dalam kemewahan.”*

- 5.3.4 Hadith-hadith yang dinukilkan daripada *Ṣaḥīḥ* al-Bukhārī dan/atau Muslim tidak perlu dinyatakan statusnya, kerana telah disepakati kesahihannya.

Sebagai contoh, Rasulullah SAW bersabda:

الْإِيمَانُ بِضْعٌ وَسِتُّونَ شُعْبَةً، وَالْحَيَاءُ شُعْبَةٌ مِنَ الْإِيمَانِ

تخريج: [البخاري، الإيمان، أمور الإيمان، حديث 9، عن أبي هريرة رضي الله عنه]

Terjemahan: *“Iman itu mempunyai lebih daripada enam puluh cabang, dan malu itu satu cabang daripada iman.”*

GARIS PANDUAN PENULISAN DAN PENERBITAN TEKS HADITH

- 5.3.5 Hadith-hadith yang dirujuk kepada sumber rujukan selain daripada *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* hendaklah dinyatakan hukum/statusnya, sama ada pada matan atau sanad, berdasarkan hukum yang telah dikemukakan oleh pengarang kitab, atau hukum yang dikemukakan oleh ulama hadith yang lain seperti pentahqiq dan pentakhrij, dengan mengekalkan istilah yang digunakan oleh mereka.

Sebagai contoh, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ خَرَجَ فِي طَلَبِ الْعِلْمِ كَانَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ حَتَّى يَرْجِعَ
 تخريج: [الترمذي، العلم عن رسول الله، فضل طلب العلم، حديث
 2647، عن أنس رضي الله عنه، وقال: حسن غريب]

Terjemahan: “Sesiapa yang keluar menuntut ilmu, dia berada di jalan Allah sehingga kembali.”

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

تخريج: [ابن ماجه، الأحكام، من بنى في حقه ما يضر بجاره، حديث
 2341، عن ابن عباس رضي الله عنه. النووي (الأربعون النووية،
 حديث 32): حسن...وله طرق يقوي بعضها بعضها]

Terjemahan: “Tidak ada mudarat dan tidak memudaratkan.”

GARIS PANDUAN PENULISAN DAN PENERBITAN TEKS HADITH

5.3.6 Maklumat rujukan dan status hadith boleh dinyatakan dalam tiga kaedah:

a. Rujukan dalam teks

Maklumat rujukan hadith boleh dimasukkan dalam teks dan hendaklah ditulis selepas matan hadith (dengan saiz tulisan yang lebih kecil), bukan di bawah terjemahan hadith.

Sebagai contoh, Umm Salamah berkata:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ
كُلِّ مُسْكِرٍ وَمُفْتَرٍّ

تخريج: [أبو داود، الأشربة، النهي عن المسكر، حديث 3686
عن أم سلمة رضي الله عنها. شعيب الأرنؤوط (مسند أحمد،
246/44): صحيح لغيره دون قوله "ومفتّر"]

Terjemahan: “*Rasulullah SAW melarang daripada semua yang memabukkan dan melemahkan fikiran.*”

b. Rujukan dalam nota kaki

Jika maklumat rujukan hadith dinyatakan dalam nota kaki, ia hendaklah dirujuk kepada teks hadith, bukan kepada terjemahan hadith.

GARIS PANDUAN PENULISAN DAN PENERBITAN TEKS HADITH

Sebagai contoh, Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ³

Terjemahan: “*Semua yang memabukkan adalah haram.*”

³ تخریج: [الترمذی، الأثرية عن رسول الله، ما جاء كل مسكر حرام، حدیث 1864، عن ابن عمر رضي الله عنه، وقال: حسن]

c. Rujukan dalam nota hujung

Maklumat hadith boleh diletak di akhir teks, seperti di akhir bab atau di akhir penulisan.

- 5.3.7 Maklumat lengkap sumber rujukan hendaklah dinyatakan pada bahagian senarai RUJUKAN di akhir penulisan, dengan menggunakan kaedah APA (American Psychological Association). Rujukan mestilah mengandungi maklumat berikut:

Nama pengarang. (tahun terbit). *Tajuk rujukan*. (edisi/jilid). Tempat terbit: Nama penerbit.

Contoh:

Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'il. (2002). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Dimashq: Dār Ibn Kathīr.

Muslim bin Ḥajjāj. (1991). *Ṣaḥīḥ Muslim*. (Jil.5). Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

GARIS PANDUAN PENULISAN DAN PENERBITAN TEKS HADITH

6. KAEDAH PENULISAN TRANSLITERASI

Semua transliterasi Arab – Latin hendaklah dicondongkan (*Italic*) dan menggunakan kaedah transliterasi ALA-LC yang digunakan oleh American Library Association dan Library of Congress, atau berdasarkan Gaya Dewan. Contoh panduan transliterasi adalah seperti pada **lampiran A**.

7. PERATURAN UMUM

Pihak Penerbit hendaklah melantik pakar-pakar hadith sebagai panel perunding untuk menentusahkan sesuatu hadith daripada segi hukum dan rujukannya sebelum memasukkan hadith tersebut ke dalam penerbitan.


GARIS PANDUAN PENULISAN DAN PENERBITAN TEKS HADITH

LAMPIRAN A**JADUAL TRANSLITERASI**

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	‘	سأل	sa’ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thaurah
ج	j	جمال	jamāl
ح	ḥ	حديث	ḥadīth
خ	kh	خالد	khālīd
د	d	ديوان	dīwān
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمن	raḥman
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarāb

GARIS PANDUAN PENULISAN DAN PENERBITAN TEKS HADITH

ش	sh	شمس	shams
ص	ṣ	صبر	ṣabr
ض	ḍ	ضمير	ḍamīr
ط	ṭ	طاهر	ṭāhir
ظ	ẓ	ظهر	ẓuhr
ع	‘	عبد	‘abd
غ	gh	غيب	ghaib
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qādī
ك	k	كأس	ka’s
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمар	mizmār
ن	n	نوم	nawm
و	w	وصل	waṣala
هـ	h	هبط	habaṭa
ي	y	يسار	yasār



GARIS PANDUAN PENULISAN DAN PENERBITAN TEKS HADITH

VOKAL PENDEK

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
اَ	a	فعل	fa'ala
اِ	i	حسب	hasiba
اُ	u	كتب	kutiba

VOKAL PANJANG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
اَ , اِ , اِوْ	ā	كاتب, قضى	kātib, qaḍā
يِ	ī	كريم	karīm
وِ	ū	حروف	hurūf

DIFTONG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
اَوْ	aw	قول	qawl
اَيِ	ay	سيف	sayf
رَجَعِي	ī	رجعي	rajī
عَدُوْ	ū	عدو	'adū

GARIS PANDUAN PENULISAN DAN PENERBITAN TEKS HADITH

Sebarang pertanyaan dan maklum balas berkenaan garis panduan ini bolehlah diajukan kepada:

**Urus Setia
Lajnah Tahqiq Hadith,
Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran,
Aras 5 & 6, Blok D1, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62546 Putrajaya.**

No. Tel : 03-8886 8000

No. Faks : 03-8889 1682



LAJNAH TAHQIQ HADITH